

SULIT

MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
BILANGAN 1 TAHUN 2024

TARIKH : 30 JANUARI 2024 (SELASA)
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : BILIK CEMPAKA KUNING,
MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

HADIR

1. **YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, *D.I.M.P.***
Yang Dipertua, MPKL - Pengerusi
2. **Y.D.M Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin Tengku Harun,**
D.S.I.S., A.M.S., P.J.K.
Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya
Orang Besar Daerah Kuala Langat
3. **Encik Wong Kim Loon**
Ahli Majlis
4. **Puan P. Umananthini a/p Gnanapragasam**
Ahli Majlis
5. **Cik Ang Lee Yong**
Ahli Majlis
6. **Encik Nadasan a/l Subramani**
Ahli Majlis
7. **Encik Gan Yee Chin**
Ahli Majlis
8. **Encik Yong Keh Chyn**
Ahli Majlis
9. **Encik Lim Lip Suan**
Ahli Majlis
10. **Encik Panalsalwa a/l R Kuppan**
Ahli Majlis
11. **Encik Mat Irwan bin Mat Ismail**
Ahli Majlis

12. **Encik Kamalanathan a/l Chellappan**
Ahli Majlis
13. **Puan Rukiyah binti Kolamchery**
Ahli Majlis
14. **Puan Rashina binti Arsat**
Ahli Majlis
15. **Encik Sahnizam bin Othman**
Ahli Majlis
16. **Puan Gan Lay See**
Ahli Majlis
17. **Encik Saifull Izam bin Misuan**
Ahli Majlis
18. **Encik Ang Eu Liang**
Ahli Majlis
19. **Encik Khairul-Azam bin Saroni, A.M.S.**
Setiausaha

TURUT HADIR

1. **Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, P.P.T.**
Pengarah Jabatan Kejuruteraan
2. **Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramlan, P.P.T.**
Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan
3. **Puan Norashidah binti Rosli, P.J.K.**
Pengarah Jabatan Perbendaharaan
4. **Sr. Lisawati binti Abd. Karim**
Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
5. **Encik Mohd Aszzwir bin Mohd Sabiruddin**
Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan
6. **LAr. Muhammad Faizal Hilmi bin Jamaluddin**
Wakil Pengarah Jabatan Landskap

7. **Puan Nordila binti Yasir**
Pengarah Jabatan Pelesenan
8. **Encik Wan Putara Noor Shahan bin Ngadirin**
Pengarah Jabatan Penguatkuasaan
9. **Puan Norain binti Mohamed**
Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan
Kesihatan Persekitaran
10. **Ts. Syamsol Herwan bin Ahmad**
Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan
11. **Puan Hashila binti Hamzah**
Pengarah Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat
12. **Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin, P.P.T.**
Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat
13. **YBhg. Datin Mohaneswary a/p Batumalai@Subaramaniam**
Ketua Unit Audit Dalam
14. **Tuan Haji Fauzi bin Din, A.M.S., P.J.K.**
Penasihat Undang-Undang
15. **Encik Mohd Shauki bin Jamaludin**
Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan
16. **Gs. Mohd Rizal bin Haji Shamsuddin**
Ketua Unit Pusat Setempat
17. **Encik Muhammad Faiz bin Jambri**
Ketua Unit Perolehan dan Ukur Bahan
18. **Puan Kamazulsaliza binti Kamarulzaman**
Ketua Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra
19. **Encik Rizaki bin Jaapar**
Ketua Unit Integriti

URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

1. **Encik Hemabalan a/l Vadamalai**
Pegawai Tadbir

2. **Encik Mohd Hazery bin Paimin**
Penolong Pegawai Tadbir
3. **Puan Nur Hazlynda binti Sahimi**
Pembantu Setiausaha Pejabat
4. **Puan Rosmawati binti Othman**
Pembantu Setiausaha Pejabat
5. **Encik Mohd Sahlan bin Tukiran**
Pembantu Operasi
6. **Encik Mohd Shahril bin Sairon**
Pembantu Operasi

PERKARA	TAJUK PERKARA		TINDAKAN
1.0	BACAAN DOA		
	Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh semua ahli mesyuarat.		Makluman
2.0	UCAPAN Pengerusi		
	YBhg. Dato' Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat pada hari ini.		Makluman
3.0	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT		
	3.1	MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BILANGAN 12 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 28 DISEMBER 2023	
		Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Wong Kim Loon dan disokong oleh Puan Rukiyah binti Kolamchery tanpa sebarang pindaan.	Makluman
4.0	PERKARA-PERKARA BERBANGKIT		
	4.1	- TIADA -	Makluman
5.0	MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TERCATAT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:		
	5.1	MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BILANGAN 3 TAHUN 2023 PADA 28 DISEMBER 2023	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman

	5.2	MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 1 TAHUN 2024 YANG TELAH DIADAKAN PADA 19 JANUARI 2024	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
	5.3	MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 1 TAHUN 2024 YANG TELAH DIADAKAN PADA 19 JANUARI 2024	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
	5.4	MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 1 TAHUN 2024 YANG TELAH DIADAKAN PADA 22 JANUARI 2024	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
	5.5	MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 1 TAHUN 2024 YANG TELAH DIADAKAN PADA 22 JANUARI 2024	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
	5.6	MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 1 TAHUN 2024 YANG TELAH DIADAKAN PADA 22 JANUARI 2024	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<u>Perkara 5.2 (m.s.5)</u> Puan P. Umananthini ingin tahu status kemajuan Hotel Brisdale. <i>Dimaklumkan kemajuan kerja adalah sebanyak 80% dan sesi penyerahan dijangka pada bulan Jun 2024.</i>	Makluman

	5.7	MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 1 TAHUN 2024 YANG TELAH DIADAKAN PADA 23 JANUARI 2024	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
	5.8	MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BILANGAN 1 TAHUN 2024 YANG TELAH DIADAKAN PADA 24 JANUARI 2024	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
6.0		MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATAT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:	
	6.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 23 TAHUN 2023 MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 5 DISEMBER 2023	
	6.1.1	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
	6.2	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 24 TAHUN 2023 MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 19 DISEMBER 2023	
	6.2.1	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman

7.0	PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN		
	7.1	<p><u>KERTAS MESYUARAT NO.1</u></p> <p>PENGESAHAN SENARAI NILAIAN BAHARU DAN KADAR CUKAI BAHARU BAGI PEGANGAN DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BERKUATKUASA TAHUN 2025 ATAU TERTAKLUK TARIKH YANG DILULUSKAN OLEH PIHAK BERKUASA NEGERI</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat. Sila rujuk Lampiran A.</p> <p><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju meluluskan kertas mesyuarat. Mesyuarat juga bersetuju untuk pemberian insentif cukai taksiran berjumlah RM100 setahun kepada Ahli-Ahli Majlis mulai tahun 2025 dengan syarat tertakluk kepada satu rumah kediaman sahaja, rumah atas nama sendiri@nama pasangan dan rumah tersebut diduduki (tidak boleh disewakan).</p>	JPPH
	7.2	<p><u>KERTAS MESYUARAT NO.2</u></p> <p>KERTAS CADANGAN PELAKSANAAN PENGECUALIAN CUKAI TAKSIRAN BAGI RUMAH KOS RENDAH DAN PENGECUALIAN BAGI RUMAH KAMPUNG SECARA BERSASAR</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat. Sila rujuk Lampiran B.</p> <p><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju meluluskan kertas mesyuarat berkuatkuasa 1 Januari 2024.</p>	JPPH

	7.3	<p><u>CADANGAN Pengerusi MPP dan Zon Angkat Ahli Majlis</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan cadangan ini seperti di Lampiran C berkuatkuasa 1 Februari 2024. Mesyuarat juga telah memutuskan elaun Ahli Majlis zon angkat ½ daripada elaun. Penggunaan peruntukan adalah mengikut bulan.</p>	JKP
8.0	UCAPAN PENANGGUHAN		
	Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Puan Rashina binti Arsat,		
	i.	Beliau mengucapkan Selamat Sejahtera dan Salam Malaysia Madani kepada YBhg. Dato' Yang Dipertua, Tuan Setiausaha, YDM Tengku Dato' Mohamed AlHaj, Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan.	Makluman
	ii.	Beliau merakamkan ucapan terima kasih kerana telah diberi peluang dan kepercayaan untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada mesyuarat kali ini.	Makluman
	iii.	Beliau mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Penyelaras Parlimen Kuala Langat dan YAB. Dato' Menteri Besar Selangor atas kepercayaan yang diberikan kepada beliau untuk menjadi salah seorang daripada 17 orang Ahli Majlis di MPKL bagi sesi 2024/2025. Kepercayaan yang telah diamanahkan akan beliau cuba untuk memberikan khidmat yang terbaik kepada masyarakat untuk mewakili Kerajaan Selangor.	Makluman
	iv.	Seperti yang sedia maklum, peranan utama Kerajaan Tempatan adalah mengutip cukai, membina dan menambah baik infrastruktur, memelihara dan memulihara alam sekitar dan membudayakan masyarakat. Sehubungan itu, beliau memohon kepada rakan-rakan Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan agar bersama-sama menjadi mata dan telinga masyarakat dan sentiasa mengambil cakna mengenai aduan yang	Makluman

		diterima agar MPKL dapat memberikan perkhidmatan yang cekap, efisien, sistematik dan penuh integriti.	
	v.	Di kesempatan ini juga, beliau ingin mengingatkan isu yang sedang viral di sosial media di mana terdapat NGO yang membongkarkan isu peniaga warga asing yang bebas berniaga di mana mereka ini dilindungi oleh pihak yang diberikan kuasa. Seharusnya perkara ini harus dicegah dan mohon Jabatan Penguatkuasaan memeriksa kedai-kedai warga asing yang bermaharajalela di Kuala Langat serta mohon pihak Majlis mengambil tindakan tegas kepada peniaga yang memberikan lesen ' <i>ali baba</i> ' kepada warga asing.	Makluman
	vi.	Di kesempatan ini beliau mengucapkan terima kasih kepada Pengarah Jabatan yang sentiasa memberikan kerjasama selama beliau berkhidmat sebagai Ahli Majlis. Beliau juga memohon maaf sekiranya ada perkataan atau perbuatan yang menguris hati semua pihak.	Makluman
	vii.	Akhir kata, semoga MPKL terus maju di masa akan datang dan dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik serta mencapai visi iaitu Kuala Langat sebagai sebuah perbandaran yang stabil, komprehensif dan berdaya saing menjelang 2025 seiring dengan moto Kuala Langat Indah, Harmoni dan Bestari. Beliau mengakhiri ucapan beliau dengan serangkap pantun: <p style="text-align: center;">Sungguh cantik si anak dara, Kalau tersenyum memikat hati, Kalau tersilap tutur bicara.</p> <p style="text-align: center;">Pergi memancing ke sungai sula, Nila dipancing di hari senja, Salam undur diri dari saya, Untuk teman-teman semua.</p>	Makluman

9.0	UCAPAN PENUTUP OLEH PENERUSI	
	YBhg. Dato' Penerusi mengucapkan terima kasih kepada Puan Rashina atas ucapan penangguhan pada hari ini. Seterusnya, beliau menangguhkan mesyuarat pada hari ini.	Makluman


Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

Disediakan oleh :

Urus setia Mesyuarat,
Bahagian Pentadbiran,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Tarikh : 31 Januari 2024

Disemak oleh :



.....
(KHAIRUL-AZAM BIN SARONI, A.M.S.)
Setiausaha,
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Disahkan oleh :



.....
(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM, D.I.M.P.)
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh
dan disokong oleh

PETUNJUK :

1. JKP - JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2. JP - JABATAN PERBENDAHARAAN
3. JPPH - JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
4. JPL - JABATAN PELESENAN
5. JPP - JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
6. JK - JABATAN KEJURUTERAAN
7. JKB - JABATAN KAWALAN BANGUNAN
8. JL - JABATAN LANDSKAP
9. JKPM - JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
10. JPK - JABATAN PENGUATKUASAAN
11. JPSPKP- JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN
12. JTM - JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
13. UU - UNIT PERUNDANGAN
14. UAD - UNIT AUDIT DALAM
15. OSC - UNIT PUSAT SETEMPAT
16. COB - UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN
17. UPUB - UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN

lynda/mesyuarat mpk1/2024

**MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
BILANGAN 1 TAHUN 2024 PADA 30 JANUARI 2024
DARIPADA : JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA**

**KERTAS CADANGAN PELAKSANAAN PENGECCUALIAN CUKAI TAKSIRAN
BAGI RUMAH KOS RENDAH DAN PENGECCUALIAN BAGI RUMAH KAMPUNG
SECARA BERSASAR**

1.0 TUJUAN

1.1 Kertas mesyuarat ini dibentangkan untuk memaklumkan berkaitan pelaksanaan pengecualian cukai taksiran bagi kategori rumah kos rendah dan pengecualian rumah kampung secara bersasar bagi tahun 2024.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 31/2023 bertarikh 13 Disember 2023 yang telah disahkan oleh MMKN Ke 31/2023 bertarikh 13 Disember 2023 telah menimbang dan meluluskan semakan semula pelaksanaan pengecualian cukai taksiran bagi kategori rumah kos rendah dan rumah kampung di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor Bagi Tahun 2024 seperti berikut :

2.1.1 Bersetuju agar pengecualian cukai taksiran kategori kediaman kos rendah diteruskan bagi tahun 2024;

2.1.2 Bersetuju agar pengecualian cukai taksiran kediaman kampung diberikan secara bersasar bermula tahun 2024 dengan syarat - syarat seperti berikut;

i. Pemilik pegangan yang mempunyai keluasan kurang dari 2,000 kaki persegi sahaja;

SULIT

- ii. Pemohon mestilah warganegara Malaysia dan menetap di negeri Selangor;
- iii. Pendapatan bulanan isi rumah adalah RM5,000 dan ke bawah (bagi yang telah berkahwin, ini adalah termasuk pendapatan pasangan yang bukan merupakan warganegara);
- iv. Pemohon hanya layak memohon untuk satu akaun atau satu rumah sahaja; dan,
- v. Hanya pemilik harta yang berdaftar sahaja boleh memohon.

3.0 ULASAN JABATAN

3.1 Semakan mendapati jumlah kehilangan hasil kepada MPKL yang terlibat dengan pelaksanaan pengecualian cukai taksiran adalah sebanyak RM1,448,471.20 yang boleh diagihkan kepada berikut;

3.1.1 Pengecualian cukai taksiran membabitkan kediaman kos rendah adalah sebanyak:

BIL	PERKARA	UNIT	CUKAI TAKSIRAN
1	Kediaman Kos Rendah (Landed)	7,516	RM935,645.80
2	Kediaman Kos Rendah (Bertingkat)	2,022	RM254,988.60
JUMLAH		9,538	RM1,190,634.40

3.1.2 Pengecualian cukai taksiran membabitkan kediaman kampung adalah sebanyak:

BIL	PERKARA	UNIT	CUKAI TAKSIRAN
1	Kediaman Kampung Baru	1,341	RM153,158.10
2	Kediaman Kampung Lain-Lain (Pertanian)	4,515	RM104,678.70
JUMLAH		5,856	RM257,836.80

3.1.3 Statistik Jumlah Akaun Mengikut Julat Cukai

BIL	JULAT CUKAI	AKAUN
1.	RM0.00 hingga RM50.00	4,432
2.	RM50.00 hingga RM100.00	865
3.	RM100.00 hingga RM250.00	464
4.	RM250.00 hingga RM500.00	79
5.	Melebihi RM500.00	16
Jumlah Keseluruhan		5,856

4.0 **KAEDAH PELAKSANAAN**

- 4.1 Pengecualian cukai taksiran yang diberikan bagi kategori kediaman kos rendah iaitu melibatkan sebanyak 9,538 akaun telah diselaraskan terus dalam setiap akaun yang terlibat.
- 4.2 Manakala pengecualian cukai taksiran yang diberikan bagi kategori kediaman kampung akan diberikan secara bersasar melibatkan sebanyak 5,856 akaun.
- 4.3 Tindakan jabatan dalam melaksanakan pengecualian cukai taksiran kediaman kampung adalah seperti berikut:-
- 4.3.1 Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH) telah menyenaraikan akaun kategori kediaman kampung untuk proses kenaaan bil oleh Jabatan Teknologi Maklumat.
- 4.3.2 Jabatan Perbendaharaan sedang dalam proses pengeluaran Bil Penggal Pertama Januari - Jun 2024 bagi 5,856 akaun kediaman kampung.
- 4.3.3 JPPH telah menyediakan borang bagi permohonan pengecualian bersasar cukai taksiran kediaman kampung dan borang akan disertakan semasa penghantaran bil.
- 4.3.4 Tarikh tutup permohonan pada 31 Mei 2024.
- 4.3.5 Keputusan kelulusan permohonan pengecualian cukai taksiran kediaman kampung akan diputuskan melalui Jawatankuasa Kecil Pengecualian Cukai Taksiran, yang mana keputusan jawatankuasa kecil ini akan diendos di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan. Jawatankuasa Kecil Pengecualian

Cukai Taksiran ini akan dipengerusikan oleh Timbalan Yang Dipertua atau Penolong Setiausaha dan keanggotaan Ahli Majlis adalah sama seperti Jawatankuasa Kewangan.

4.4 Mesyuarat Pengecualian Cukai Taksiran Kediaman Kampung di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor telah dibuat oleh Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, Unit Perancang Ekonomi Negeri dan dipengerusikan oleh YB. Dato' Ng Suee Lim, EXCO Kerajaan Tempatan dan Perlancongan pada 24 Januari 2024. Hasil keputusan mesyuarat adalah seperti berikut:-

- 4.4.1 Pihak YB EXCO akan mengadakan sidang media mengenai pengecualian cukai taksiran rumah kediaman kampung secara bersasar dalam masa terdekat;
- 4.4.2 Bersetuju agar semua pihak berkuasa tempatan mengeluarkan bil cukai taksiran kediaman kampung secara fizikal sebelum akhir bulan Februari 2024 dan bil dikeluarkan sekali sahaja;
- 4.4.3 Denda lewat bagi kediaman kampung akan dikecualikan untuk tahun 2024;
- 4.4.4 Tarikh akhir penghantaran borang permohonan pengecualian bersasar cukai taksiran kediaman kampung adalah pada 31 Mei 2024;
- 4.4.5 Keputusan permohonan pengecualian bersasar cukai taksiran kediaman kampung adalah pada 1 September 2024;
- 4.4.6 Mengemukakan Permohonan melalui borang berserta dokumen lain yang telah ditetapkan;
 - i. Salinan Kad Pengenalan Pemilik.
 - ii. Salinan Hakmilik/ Perjanjian Jualbeli/ dokumen lain yang membuktikan status pemilikan yang sah.
 - iii. Salinan bil air atau elektrik.
 - iv. Salinan slip gaji atau surat pengesahan pendapatan (Surat pengesahan pendapatan boleh disahkan oleh samaada Wakil Rakyat/ Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional/ Ahli Majlis/ Penghulu/ Ketua Kampung).
 - v. Gambar terkini bangunan kediaman yang dimohon.

5.0 IMPLIKASI KEWANGAN

5.1 Implikasi kewangan disebabkan pelaksanaan pengecualian cukai taksiran tahun 2024 kategori kediaman kampung secara bersasar akan melibatkan kehilangan hasil pendapatan bagi MPKL sebanyak RM257,836.80 sekiranya 5,856 akaun kediaman kampung mendapat pengecualian.

5.2 Semakan jabatan mendapati kediaman kampung yang kurang dari 2,000 kaki persegi adalah seperti berikut:

5.2.1 Pengecualian cukai taksiran membabitkan kediaman kampung berkeluasan kurang dari 2,000 kaki persegi:

BIL	PERKARA	UNIT	CUKAI TAKSIRAN
1	Kediaman Kampung Kurang 2,000 kaki persegi	3,193	RM116,908.72
JUMLAH		3,193	RM116,908.72

5.2.2 Statistik Jumlah Akaun Mengikut Julat Cukai

BIL	JULAT CUKAI	AKAUN
1.	RM0.00 hingga RM50.00	2,380
2.	RM50.00 hingga RM100.00	537
3.	RM100.00 hingga RM250.00	247
4.	Melebihi RM250.00	29
Jumlah Keseluruhan		3,193

6.0 SYOR

6.1 Selaras dengan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 31/2023 bertarikh 13 Disember 2023 yang telah disahkan oleh MMKN Ke 31/2023 bertarikh 13 Disember 2023 dan keputusan Mesyuarat Pengecualian Cukai Taksiran Kediaman Kampung di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor bertarikh 24 Januari 2024 serta pelaksanaan yang diselaraskan di semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor. Jabatan mengesyorkan pelaksanaan pengecualian bersasar cukai taksiran kediaman kampung dengan mengikut kaedah pelaksanaan seperti di perkara 4.0.

SULIT

7.0 PENUTUP

Kertas mesyuarat ini dikemukakan untuk pemakluman pelaksanaan pengecualian cukai taksiran bagi kategori rumah kos rendah dan pengecualian rumah kampung secara bersasar bagi tahun 2024 oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini.

8.0 KEPUTUSAN

LULUS/ TANGGUH/ TOLAK

Disediakan oleh :
MOHAMAD ZAID BIN ROSALI
Penolong Pegawai Penilaian,
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.

Tarikh : Januari 2024

Disemak oleh :
Sr. LISAWATI BINTI ABD KARIM
Pengarah,
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.

Tarikh : Januari 2024

Disahkan oleh :
KHAIRUL-AZAM BIN SARONI, A.M.S.
Setiausaha,
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Tarikh : Januari 2024

**MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
BILANGAN 1 TAHUN 2024 PADA 30 JANUARI 2024**

DARIPADA : JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

TAJUK : PENGESAHAN SENARAI NILAIAN BAHARU DAN KADAR CUKAI BAHARU BAGI PEGANGAN DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BERKUATKUASA TAHUN 2025 ATAU TERTAKLUK TARIKH YANG DILULUSKAN OLEH PIHAK BERKUASA NEGERI.

1. TUJUAN

- 1.1 Pembentangan kertas kerja ini adalah bertujuan untuk mendapatkan pengesahan semula mengenai penguatkuasaan Senarai Nilai Baharu Aras Nilai Tahun 2020 dan kadar cukai baharu yang telah dibuat melalui kerja-kerja Penilaian Semula untuk menggantikan Senarai Nilai yang sedia ada bagi pegangan-pegangan di dalam kawasan Majlis Perbandaran Kuala Langat untuk dikuatkuasakan pada tahun 2025 atau tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Berdasarkan kepada peruntukan Seksyen 137 (3), Akta Kerajaan Tempatan 1976 :-
“Sesuai Senarai Nilai Baharu yang mengandungi butir-butir yang sama seperti dalam seksyen kecil (1) hendaklah disediakan dan disiapkan sekali tiap-tiap lima tahun atau tempoh yang dilanjutkan sebagaimana ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.”
- 2.2 Senarai Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Kuala Langat yang terlibat dalam pelaksanaan Penilaian Semula dan pegangan-pegangan harta yang boleh dikenakan kadar seperti yang diperuntukkan bawah

Seksyen 127, Akta Kerajaan Tempatan 1976 melalui Warta No. 2342 Jilid 59 (Bil No.22), Pelan Warta No 1442 bertarikh 26 Oktober 2006 adalah seperti berikut :

BIL.	MUKIM	KELUASAN (HEKTAR)
1	TANJUNG DUA BELAS	33,585.18
2	TELOK PANGLIMA GARANG	7,961.44
3	JUGRA	15,580.15
4	BANDAR	3,865.04
5	KELANANG	7,121.22
6	MORIB	2,469.73
7	BATU	12,256.82
JUMLAH		82,839.58
Zon pesisiran pantai (3 batu nautika dari tikas air surut)		2,930.42
JUMLAH KESELURUHAN		85,770.00

Jumlah keseluruhan keluasan Daerah Kuala Langat ialah seluas 85,770.00 hektar termasuk kawasan 3 batu nautika dari tikas air surut.

- 2.3** Senarai Nilaiian sediada telah disediakan sepenuhnya oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta pada tahun 1987. Memandangkan Senarai Nilaiian yang sediada adalah merupakan satu senarai yang telah digunapakai selama 37 tahun, maka adalah wajar Senarai Nilaiian sediada ini disemak semula melalui pelaksanaan Penilaian Semula dengan menggunakan aras nilaiian baharu iaitu tahun 2020. Jumlah pegangan yang dikenakan dengan kadar dari tahun 1987 adalah sebanyak 7,208 unit manakala sehingga 1 Januari 2024 pegangan tersebut bertambah kepada 112,509 unit. **(Pertambahan sebanyak 106,067 unit pegangan).**

3. PELAKSANAAN PENILAIAN SEMULA

- 3.1 Jabatan Penilaian Dan Pegurusan Harta (JPPH) telah membentangkan kertas kerja untuk mendapatkan kelulusan **Aras Nilai 2018** bagi setiap pegangan yang digunakan sebagai asas penilaian bagi tujuan Penilaian Semula pada 11 Mac 2019 dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil 02/2019 dan disahkan di dalam Mesyuarat Majlis Daerah Kuala Langat Bil 03/2019 bertarikh 26 Mac 2019. Mesyuarat bersetuju dengan penetapan kadar yang dicadangkan mengikut kategori pegangan untuk dibawa kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dan bersetuju Penilaian Semula akan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2020 dengan Senarai Nilai Baharu menggunakan Aras Nilai 2018.
- 3.2 Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertarikh 29 Januari 2020 kertas **EXCO- MTES No 2/2/2020 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 5/2020 bertarikh 05 Februari 2020** telah bersetuju seperti yang berikut:
- I. Agar semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor melaksanakan penilaian semula bagi pegangan berkadar dibawah pentadbiran PBT masing-masing dengan menggunakan Aras Tahun 2020.
 - II. Bersetuju agar semua PBT Negeri Selangor melaksanakan pelarasan kepada nilai cukai taksiran sedia ada yang dikenakan kepada pemilik pegangan dengan kenaikan di antara 20% hingga 25% tanpa mengira jenis atau kategori pegangan sama ada belum diubah suai atau telah diubah suai.

Berdasarkan keputusan tersebut, Pihak Berkuasa Negeri Selangor telah bersetuju pelaksanaan Penilaian Semula ditangguhkan dan dikuatkuasakan pada tahun 2022. Oleh yang demikian, pihak jabatan

telah mengangkat semula Pengesahan Senarai Nilai Baru dan Kadar Cukai Baharu Bagi Pegangan Dalam Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Kuala Langat menggunakan Aras Nilai Tahun 2020 dan telah diluluskan melalui Mesyuarat Majlis Perbandaran Kuala Langat Bil. 6/2020 bertarikh 21 Ogos 2020 bagi mengesahkan Aras Nilai 2020 dan Senarai Nilai Baru.

3.3 Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 38/2021 bertarikh 10 November 2021 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 39/2021 pada 17 November 2021 telah memutuskan cadangan penguatkuasaan Senarai Nilai Baru bagi semua pegangan di PBT seperti berikut:

- I. Bersetuju agar PBT menyambung proses penyediaan senarai nilai baru dan/ atau meneruskan proses seterusnya yang merangkumi penyiaran pewartaan notis, iklan, edaran notis, penerimaan bantahan, sesi pendengaran bantahan, semakan dan lain-lain proses berkaitan mengikut peraturan yang berkuat kuasa sebelum membentangkan semula untuk pengesahan Kerajaan Negeri selewat-lewatnya sebelum 31 Disember 2022.
- II. Bersetuju agar tarikh kuat kuasa senarai nilai baru akan ditentukan semula oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri setelah mengambil kira semua prosedur serta peraturan dan undang-undang sedia ada telah dipatuhi.
- III. Bersetuju agar pelarasan kadar cukai taksiran bagi senarai nilai baru yang akan disiarkan dan diedarkan melalui notis kepada pemilik pegangan adalah tidak melebihi 25% (kenaikan) tanpa mengira jenis atau kategori pegangan sama ada belum diubahsuai atau telah diubahsuai.

- IV. Bersetuju agar pelarasan kadar cukai taksiran akan dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh lima (5) tahun bermula dari tarikh kuatkuasa sehingga mencapai peratus maksimum 25% setelah senarai nilai baharu, yang akan ditentukan kemudian oleh Kerajaan Negeri.

3.4 Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ke 17/2022 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 18/2022 bertarikh 3 Ogos 2022 telah bersetuju seperti berikut:

- I. Penghantaran atau edaran notis kepada pemilik harta bagi senarai nilai hendaklah ditangguhkan sehingga 30 Jun 2023 atau satu tarikh lain yang akan ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Walaubagaimanapun, PBT yang telah melaksanakan edaran notis boleh meneruskan proses tersebut sehingga sesi bantahan selesai
- II. Senarai nilai baharu yang telah disediakan hendaklah dibentangkan dan disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri selewat-lewatnya Disember 2023
- III. PBT hendaklah memastikan tempoh proses penyiaran /pewartaan notis, iklan, edaran notis, penerimaan bantahan, sesi pendengaran bantahan, semakan dan lain-lain proses berkaitan mengikut peraturan yang berkuat kuasa sebelum membentangkan semula untuk pengesahan Pihak Berkuasa Negeri
- IV. Tarikh kuat kuasa senarai nilai baharu adalah pada 1 Januari 2024 atau satu Tarikh lain yang akan ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri apabila senarai tersebut disahkan tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa

- V. Tiada sebarang kenaikan bagi kadar cukai sedia ada di semua PBT Negeri Selangor bagu tahun 2023 dan
- VI. Kaedah/ proses bagi pengenaan kadar (cukai) oleh PBT kepada pemilik harta atas mana-mana pegangan baru hendaklah mengikut peruntukan yang telah ditetapkan di bawah Akta 171. Sebarang kekeliruan berkenaan perkara ini hendaklah dirujuk dengan pihak kamar penasihat undang-undang.

Berdasarkan keputusan tersebut, pelaksanaan Penilaian Semula bagi Majlis Perbandaran Kuala Langat telah ditangguhkan sekali lagi dimana penghantaran atau edaran notis kepada pemilik harta bagi senarai nilaiian hendaklah ditangguhkan sehingga 30 Jun 2023 atau satu tarikh lain yang akan ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

3.5 Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 9/2023 bertarikh 31 Mac 2023 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 10/2023 pada 5 April 2023 telah memutuskan cadangan penguatkuasaan Senarai Nilaiian Baharu bagi semua pegangan di PBT Negeri Selangor seperti berikut:

- I. Mengambil maklum bahawa MPKJ telah selesai melaksanakan proses penyediaan senarai nilaiian baharu, pengeluaran notis, sesi bantahan, pendengaran serta siasatan dan kini memohon untuk mendapatkan pengesahan senarai nilaiian tersebut untuk dikuatkuasakan. Walaubagaimanapun, perincian senarai nilaiian MPKJ yang ingin disahkan tidak dibentangkan untuk pertimbangan Kerajaan Negeri

- II. Mengambil maklum bagi 11 PBT Negeri Selangor yang lain masih dalam proses penyediaan senarai nilai baharu dan cadangan pengeluaran notis
- III. Menimbang dan menanggung cadangan pengesahan senarai nilai baharu oleh MPKJ serta cadangan pengeluaran warta dan edaran notis kepada pemilik harta oleh PBT lain untuk dibentangkan semula kepada Mesyuarat EXCO-MTES pada satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

3.6 Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 29/2023 bertarikh 8 November 2023 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 30/2023 pada 6 Disember 2023 telah memutuskan cadangan penguatkuasaan Senarai Nilai Baharu bagi semua pegangan di PBT Negeri Selangor seperti berikut:

- I. Bersetuju mengesahkan senarai nilai baharu MPKJ berkuatkuasa 1 Januari 2024.
- II. Bersetuju agar sebarang peningkatan daripada pelarasan semula kadar cukai taksiran di MPKJ hendaklah dilaksanakan secara dua (2) kali kenaikan iaitu sebahagian (50% untuk tahun 2024 dan sepenuhnya (100%) bermula tahun 2025.
- III. Bersetuju untuk melanjutkan tempoh penyediaan dan penyiapan senarai nilai baharu oleh 11 PBT iaitu MBSA, MBPJ, MBSJ, MPK, MPAJ, MPS, MPSp, MPKL, MPKS, MPHS dan MDSB.

- IV. Bersetuju agar pengeluaran warta dan edaran notis kepada pemilik harta bagi senarai nilai baharu oleh 11 PBT diselesaikan sebelum 31 Mei 2024.
- V. Bersetuju supaya 11 PBT mengemukakan senarai nilai baharu untuk pengesahan Pihak Berkuasa Negeri selewat-lewatnya 30 September 2024 untuk dikuatkuasakan pada 1 Januari 2025.
